

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 MEI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21

Indeks Pelopor Malaysia terus catat pertumbuhan positif

Indeks Pelopor Malaysia terus catat pertumbuhan positif

BURSA
MALAYSIA

Indeks Pelopor (IP) Malaysia pada Mac 2024 kekal dalam pertumbuhan positif selama empat bulan berturut-turut, mencatat kenaikan 2.3 peratus kepada 112.2 mata berbanding 109.7 mata pada tempoh sama tahun lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata lonjakan itu didorong prestasi Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (25.4 peratus) serta import barang logam asas berharga dan logam bukan ferus Lain (24.8 peratus) yang kukuh.

"Namun perubahan bulanan

IP menyusut 0.5 peratus, berikutan prestasi kurang memberangsangkan oleh bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (-0.7 peratus) dan import barang semi konduktor (-0.4 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

IP memberi petunjuk awal tentang titik perubahan ketara dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, kadar pertumbuhan



Mohd Uzir Mahidin

IP bagi Mac 2024 konsisten di atas trend, melepasi 100 mata, menggambarkan ekonomi Malaysia yang optimis selari dengan prestasi penggunaan swasta dan pemulihan perdagangan luar.

Beliau berkata, bagi kedudukan ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mengekalkan pertumbuhan po-

sitifnya dengan mencatatkan 125.0 mata, meningkat 2.3 peratus berbanding 122.2 mata pada bulan sama tahun lalu.

Katanya, terdapat empat komponen menyumbang secara positif kepada kenaikan terkini, terutama Caruman Nyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (19.6 peratus).

"Pada masa sama, perubahan bulanan IS juga mencatatkan peningkatan 0.6 peratus disumbangkan semua komponen kecuali jumlah guna tenaga dalam pembuatan (-0.1 peratus)," katanya.

